

# PROGRAM TUNAS MEKAR: TINJAUAN DI NEGERI PULAU PINANG

Rosley Jaafar

*Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang Malaysia  
rosley110@ppinang.uitm.edu.my*

## ABSTRACT

*Tunas Mekar is a unique entrepreneurship training program for bumiputera graduates from public and private universities and is considered as one of the most successful entrepreneur creation programs in Malaysia. The purpose of this article is to analyze and review the implementations and achievements of the program in Penang which involves institutions of higher learning, entrepreneur of small and medium enterprises (SMEs) and government agency. It is a descriptive analysis that evaluates the objectives, implementation, benefit, significance and achievement carried out since the year 2005 to 2015. This analysis shows that 73.4% of the graduates who had joined this program became entrepreneurs and started businesses in Penang. The findings also show that entrepreneurship is acceptable as a career choice for graduates of public and private institutions, regardless of gender and their level of education. The majority of the graduates are from UiTM. This illustrates that the policies, curriculum and entrepreneurial culture program which is implemented in Malaysian higher education institutions indicate success.*

## ABSTRAK

*Tunas Mekar adalah satu program latihan keusahawanan yang unik untuk graduan bumiputera dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan swasta (IPTS) dan boleh dianggap sebagai program melahirkan usahawan siswazah yang paling berjaya di Malaysia. Tujuan artikel ini ditulis adalah untuk membuat analisa serta ulasan pelaksanaan dan pencapaian Program Tunas Mekar di negeri Pulau Pinang yang mana ia melibatkan institusi pengajian tinggi, pengusaha (usahawan) perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan agensi kerajaan. Analisa diskriptif ini adalah untuk menilai akan objektif, pelaksanaan, faedah, kepentingan dan pencapaian program ini dijalankan sejak tahun 2005 hingga 2015. Analisa ini menunjukkan 73.4% daripada graduan yang menyertai program ini telah menjadi usahawan dan memulakan perniagaan di negeri Pulau Pinang. Dapatan analisa ini juga menunjukkan bahawa bidang keusahawanan sudah boleh diterima sebagai kerjaya pilihan graduan IPTA dan IPTS tanpa mengira jantina dan peringkat kelulusan tetapi di dominasikan oleh graduan UiTM. Ini menggambarkan bahawa dasar,*

*kurikulum serta program pembudayaan keusahawanan yang di laksanakan di institusi pengajian tinggi Malaysia menunjukkan kejayaan.*

**Kata kunci:** usahawan muda, Tunas Mekar, usahawan bumiputera, UiTM, Pulau Pinang, IPTA

## 1.0 PENGENALAN

Kerjaya merupakan satu perkara penting yang difikirkan oleh setiap orang samada yang berpendidikan tinggi mahupun rendah dan samada daripada bandar atau luar bandar kerana selalunya kehidupan di masa depan akan berkaitan dengan bidang kerjaya yang dipilih. Pemilihan kerjaya samada makan gaji atau berkerja sendiri adalah suatu proses yang berterusan bermula dengan pekerjaan yang pertama sehinggalah rasa berpuas hati serta selesa untuk tidak bertukar ke kerjaya yang lain dan bersara pada pekerjaan tersebut.

Malaysia sedang mengubah keadaan masyarakat bumiputera yang makan gaji kepada masyarakat yang berkerja sendiri yang mana secara tidak langsung telah menggalakan untuk berniaga dan menjadi usahawan. Sehubungan itu, pelbagai dasar kerajaan telah diperkenalkan supaya bidang keusahwanan dijadikan sebagai keutamaan pilihan kerjaya terutamanya selepas tahun 1995 iaitu dengan menubuhkan Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) yang bertujuan untuk membangunkan minat keusahawanan di kalangan pelajar sekolah, universiti dan masyarakat (Bukryman et al., 2008). Sehingga kini, banyak program dan peluang-peluang perniagaan samada yang berbentuk kursus atau pembiayaan yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan seperti MARA, ICU-JPM, PERDA, Jabatan Pertanian, FAMA, PUNB, SME-Corp, PNB, IADA, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) , Perbadanan Kemajuan Negeri dan lain-lain lagi.

## 2.0 KEUSAHAWANAN

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia sedang menghadapi tekanan dan cabaran besar dalam mengharungi persaingan abad ke 21 terutamanya membuka peluang-peluang perniagaan. Bagi merealisasikan cita-cita negara, usaha ke arah peningkatan daya saing, produktiviti serta inovasi harus dilaksanakan bagi membangunkan ekonomi negara supaya lebih berdaya saing dan berdaya tahan iaitu melalui pembudayaan keusahawanan dari peringkat sekolah menengah ke peringkat institusi pengajian tinggi. Institusi pengajian tinggi adalah tempat yang paling sesuai untuk memupuk minda keusahawanan graduan bagi melahirkan lebih ramai usahawan siswazah (Hardy & Razmi, 2014).

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengorak langkah dengan memperkenalkan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi pada bulan Februari 2010 (Berita Harian, 2010), di susuli pula dengan pelancaran Pelan Strategik Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi 2013-2015 pada bulan April 2013 (JPKK,KPT,2013) dan pada bulan April 2016 dilancarkan pula Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 (Harian Metro, 2016). Tindakan tersebut menunjukkan Kesungguhan pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi yang mahu lebih ramai graduan institusi pengajian tinggi memilih perniagaan sebagai kerjaya mereka yang mana usahawan siswazah yang dilahirkan boleh bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi ke arah pencapaian status negara maju menjelang 2020.

Namun, secara keseluruhannya, pelajar IPTA masih belum menunjukkan minat yang tinggi untuk menjadi usahawan sebagai pilihan kerjaya mereka walaupun menunjukkan sikap positif terhadap kerjaya usahawan (Norfadhilah & Halimah, 2010). Tambahan pula, usahawan di kalangan belia terutamanya graduan masih lagi berada pada tahap yang rendah berbanding objektif, dasar dan program yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan diperingkat universiti (Solahudin, 2014).

Mana-mana individu yang terlibat sebagai majikan dan pengusaha sendiri dikatakan sebagai seorang usahawan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009). Usahawan adalah orang yang mengusahakan perniagaan atau perusahaan sendiri dan sentiasa ingin memajukan perniagaannya (Sodri & Ahmad Shafee, 2006). Seseorang individu perlu tahu ciri usahawan yang efektif dan efisien sebelum menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Zaidatul & Habibah (1997) mendapati bahawa pendidikan keusahawanan memainkan peranan yang sangat penting untuk melahirkan usahawan-usahawan baru yang berjaya. Usahawan tidak semestinya bersifat semulajadi dan diwarisi tetapi ianya boleh diasuh dan dilahirkan (Frederick et al. 2013) iaitu boleh dilatih melalui pendidikan formal dan mengikuti program-program pendidikan keusahawanan. Usahawan juga dianggap sebagai orang yang mencipta inovasi dan mengeksploitasi peluang bagi mewujudkan nilai dan perubahan terhadap ekonomi dan masyarakat (Hardy & Shahimi, 2015).

Tahap pendidikan formal dan kekerapan mengikuti latihan keusahawanan di kalangan usahawan belia Bumiputera Muslim akan mempengaruhi sikap untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan (Buerah & Zoolhilmi, 2015). Sikap, amalan dan minat dalam kerjaya keusahawanan menjadi faktor penting dalam pembentukan usahawan dari kalangan belia masa kini (Bukryman et al. 2008). Kejayaan seseorang usahawan juga dipengaruhi oleh pengalaman pengurusan, pengalaman industri, keadaan ekonomi dan kemahiran perancangan menjalankan perniagaan mereka (Azmi et al. 2012). Khidmat nasihat dan latihan keusahawanan yang betul serta berterusan mampu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran usahawan yang akan menjadikan mereka lebih berdaya saing untuk mampu menangani cabaran perniagaan secara holistik.

Memperkasakan sesebuah perniagaan bukanlah mudah kerana para usahawan perlu mengharungi berbagai cabaran seperti kekurangan modal, persaingan, pengurusan, perubahan teknologi, perubahan permintaan, komunikasi dan keadaan ekonomi yang tidak menentu yang telah menyebabkan kurangnya usahawan belia bumiputera menyertai bidang perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Ianya dibuktikan oleh dapatan kajian oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM, 2016), mendapati tahap penyertaan PKS oleh belia Bumiputera masih berada pada tahap yang sederhana dan rendah serta aktiviti inovasi di kalangan PKS belia bumiputera pula di tahap sederhana. Menurut Jabatan Statistik Malaysia (2013; sumber, IPPM, 2016), 60% daripada perniagaan di Malaysia terdiri daripada perniagaan mikro berbanding dengan perniagaan kecil (28%) dan sederhana (9%). Kewujudan Program Tunas Mekar adalah sesuai pada masanya bagi menangani isu tersebut.

### **3.0 PROGRAM TUNAS MEKAR (PTM)**

Projek Tunas Mekar adalah cetusan idea Y.A.B. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 27 Disember 2003. Ia berkonsepkan perkongsian pintar di antara graduan (golongan belia bumiputera), pengusaha dan pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM)

yang bertujuan bagi menghasilkan manfaat kepada semua pihak yang terlibat. Y.A.B. Perdana Menteri mahu melihat lebih ramai lagi usahawan bumiputera yang berpendidikan tinggi dilahirkan bagi menghadapi cabaran dunia perniagaan secara global dan boleh mengikuti perubahan teknologi dari masa ke semasa. Sehubungan itu, objektif Program Tunas Mekar ditetapkan seperti berikut (MASMED, 2012);

- i. Memberi peluang graduan bumiputera menimba pengalaman bidang keusahawanan, seterusnya menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.
- ii. Membantu pengusaha untuk meningkatkan prestasi perniagaan.
- iii. Menjadikan Program Tunas Mekar sebagai satu agenda dan strategi memakmur dan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.
- iv. Memberi pendedahan praktikal kepada graduan dalam bidang perniagaan.
- v. Mewujudkan situasi menang-menang (win-win) kepada pengusaha dan juga graduan.

Program ini hanya terbuka kepada graduan kaum bumiputera lelaki dan wanita sahaja dan pemohon sekurang-kurangnya memiliki pendidikan di peringkat Diploma. Pemohon juga hendaklah berumur tidak lebih daripada 33 tahun semasa permohonan dan mempunyai minat serta bermotivasi tinggi untuk menjadi seorang usahawan. Graduan boleh memilih mana-mana bidang perniagaan yang diinginkan untuk diceburi sebagai kerjaya mereka. Sepanjang tempoh program ini berjalan, graduan diberi elaun sara hidup RM800.00 sebulan bagi menampung kos-kos keperluan sara hidup seperti makan minum, pengangkutan, pembelajaran dan sebagainya lagi.

Di bawah program ini, graduan yang ingin menjadi seorang usahawan, akan dipilih menjadi 'working-consultant' (mentee) dengan pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bumiputera terpilih yang bertindak sebagai mentor. Pensyarah UiTM dilantik sebagai kaunselor perniagaan bagi memantau dan memberi khidmat nasihat kepada graduan dan juga pengusaha. Ini adalah kerana, Y.A.B. Perdana Menteri percaya melalui satu kombinasi pengetahuan serta kemahiran daripada graduan dan dengan pengalaman daripada pengusaha, prospek untuk mencapai kejayaan adalah lebih baik. Graduan ditempatkan bersama pengusaha selama satu hingga dua tahun untuk membantu pengusaha dan mendapat pengalaman praktikal. Kesan penglibatan mereka telah menghasilkan usahawan siswazah baru dan memperbaiki pengurusan perniagaan para pengusaha luar bandar (Junainah et al. 2015).

Projek ini dilaksanakan secara kerjasama di antara Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU-JPM) melalui semua cawangan UiTM dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPNN). Projek ini diuruskan oleh Institut Tunas Mekar di bawah Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED) di UiTM Shah Alam dan bajet untuk Program Tunas Mekar adalah daripada ICU-JPM Putra Jaya. Pelaksanaannya dibantu juga oleh beberapa agensi kerajaan lain sebagai panel penasihat seperti PUNB, MARA, SME-Corp, TEKUN, SME Bank, FAMA, MARDI, Jabatan Pertanian dan lain-lain lagi. Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan Jabatan Perdana Menteri (ICU-JPM) menyediakan peruntukan kewangan dan hala tuju serta dasar program Tunas Mekar, manakala UiTM pula melaksanakan semua aktiviti program dirancang untuk mencapai objektif Program Tunas Mekar (Junainah et al. 2015).

#### 4.0 PROGRAM TUNAS MEKAR NEGERI PULAU PINANG

Negeri Pulau Pinang telah dipilih sebagai negeri yang pertama bagi memulakan program siri pertama ini iaitu pada 20hb Mei 2005, diikuti dengan Wilayah Felda, Terengganu, Kedah, Johor, Kelantan, Melaka, Pahang dan Selangor. Seramai 17 orang graduan telah dipilih sebagai perintis program ini dan ditempatkan di Pulau Pinang. Tempoh siri pertama adalah dua tahun iaitu tahun 2005 hingga 2007 dan hanya dibuka kepada graduan-graduan UiTM sahaja. Bermula siri ke 2 hingga 5, penyertaan diperluaskan kepada semua graduan Bumiputera dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan swasta (IPTS) dan tempoh tersebut dipendekkan kepada sekurang-kurangnya 6 bulan dan maksima 1 tahun iaitu bagi melayakan diberi sijil penyertaan.

Jadual 1 memaparkan tarikh-tarikh pelaksanaan serta bilangan peserta, kaunselor dan pengusaha Program Tunas Mekar di negeri Pulau Pinang sejak tahun 2005 (siri 1) hingga 2015 (siri 5). Berdasarkan kepada bajet yang diluluskan di setiap siri tersebut, agihan kuota bilangan peserta untuk setiap negeri ditetapkan oleh MASMED dan jumlah penyertaan di negeri Pulau Pinang sejak tahun 2005 hingga 2015 ialah 142 orang iaitu yang tamat dan layak diberi sijil. Punca utama bilangan penyertaan tersebut kurang daripada kuota pengambilan (165 orang) ialah terdapat graduan yang menarik diri setelah mengikuti program kurang daripada 6 bulan dan tidak dapat diganti dengan peserta yang baru. Majoriti peserta terdiri daripada graduan bukan di bidang perniagaan dan graduan yang baru tamat belajar samada belum bergraduasi (belum berkerja) ataupun sudah bergraduasi kurang daripada 3 tahun (sudah berkerja).

Kaunselor dibenarkan juga untuk membantu serta melatih 2 orang graduan sekaligus tetapi pada pengusaha yang berbeza. Pengusaha yang layak boleh juga menerima 2 orang graduan bagi sama-sama membantu mencapai objektif program ini. Graduan juga dibenarkan untuk bertukar ke pengusaha lain jika bercadang menukar bidang perniagaan lain ataupun tidak berpuas hati dengan komitmen serta kerjasama pengusaha. Elaun sebanyak RM250.00 sebulan per graduan dan sijil penghargaan di beri kepada kaunselor bagi menghargai sumbangan perkhidmatan mereka, manakala pengusaha di beri sijil penghargaan sahaja.

Jadual 1: Bilangan graduan, kaunselor dan pengusaha PTM negeri Pulau Pinang

| Siri /(tahun) | Bil graduan (orang) |                                  |            | Bil kaunselor (orang) | Bil pengusaha (orang) |
|---------------|---------------------|----------------------------------|------------|-----------------------|-----------------------|
|               | Kuota               | Sebenar (tamat dan terima sijil) | Berniaga*  |                       |                       |
| 1/2005/2007   | 25                  | 17                               | 16 (94.1%) | 19                    | 27                    |
| 2/(2009/2010) | 60                  | 54                               | 18 (33.3%) | 30                    | 46                    |
| 3/(2011/2012) | 20                  | 19                               | 14 (73.7%) | 10                    | 22                    |
| 4/(2012/2013) | 40                  | 33                               | 27 (81.8%) | 33                    | 44                    |
| 5/(2014/2015) | 20                  | 19                               | 16 (84.2%) | 19                    | 24                    |
| Jumlah        | 165                 | 142                              | 91 (64.1%) |                       |                       |

\*Data yang diambil adalah daripada sebaik sahaja tamat program hingga 3 bulan selepas itu.

Penyertaan di kalangan graduan lelaki (51%) dan wanita (49%) serta pemegang ijazah sarjana muda (42%) dan diploma (58%) daripada UiTM (41%) berbanding institusi pengajian tinggi lain (59%) menunjukkan peratusan yang seimbang iaitu perbezaan yang kecil seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2, Rajah 1, Rajah 2 dan Rajah 3. Program Tunas Mekar yang

diuruskan oleh UiTM telah menjadi salah satu sebab menyumbang kepada peratusan yang tinggi iaitu 41% graduan UiTM menyertai program ini berbanding graduan IPTA dan IPTS lain iaitu majoriti di setiap siri adalah graduan UiTM. Penyertaan graduan ke Program Tunas Mekar dari siri 1 hingga 3 seluruh kampus cawangan UiTM juga didominasi oleh graduan UiTM iaitu pada kadar 63.2% dan selebihnya 36.8% dari IPTA dan IPTS lain (MASMED, 2014).


Peratusan penyertaan graduan ke program Tunas Mekar di negeri Pulau Pinang seperti di Rajah 1, 2 dan 3 menunjukkan bahawa bidang keusahawanan sudah boleh diterima sebagai kerjaya pilihan graduan IPTA dan IPTS tanpa mengira jantina dan peringkat kelulusan. Kajian yang dilakukan oleh Armanurah et.al (2014) ke atas graduan Universiti Utara Malaysia yang pernah mengikuti Program Siswaniaga (PS) menunjukkan fenomena yang hampir sama iaitu 51.5% bekas peserta PS telah menjadi usahawan dalam tempoh 5 tahun selepas tamat pengajian dan hampir 20% memulakan perniagaan sejurus selepas tamat pengajian.

Jadual 2: Peratusan jantina dan kelulusan graduan PTM negeri Pulau Pinang

| Siri /(tahun)* | Graduan (%) |          |        |         |        |        |
|----------------|-------------|----------|--------|---------|--------|--------|
|                | UiTM        | IPT lain | Ijazah | Diploma | Lelaki | Wanita |
| 3/(2011/2012)  | 42          | 58       | 37     | 63      | 58     | 42     |
| 4/(2012/2013)  | 36          | 64       | 45     | 55      | 48     | 52     |
| 5/(2014/2015)  | 47          | 53       | 42     | 58      | 47     | 53     |


\* tiada data lengkap untuk siri 1 dan 2.

**IPTA/IPTS graduan PTM**




Rajah 1: Graduan UiTM dan IPTA/IPTS lain hingga 5)

**Kelulusan graduan PTM**



Rajah 2: Peringkat kelulusan graduan PTM (siri 3 hingga 5)

**Jantina graduan PTM**




Rajah 3: Jantina graduan PTM (siri 3 hingga 5)

Jadual 3 dan Rajah 4 menunjukkan bidang perniagaan yang diceburi oleh graduan Program Tunas Mekar yang merangkumi berbagai kegiatan perniagaan. Bidang perniagaan perkhidmatan (24%), tekstil (21%) dan makanan (21%) merupakan bidang yang paling diminati oleh graduan untuk menjalani perniagaan di negeri Pulau Pinang disebabkan oleh tiga bidang perniagaan tersebut tidak memerlukan modal yang besar untuk memulakan perniagaan iaitu boleh dimulakan secara kecil-kecilan dan boleh dijalankan di rumah serta perniagaan atas talian. Contoh perniagaan tersebut adalah jahitan baju, kek & bakeri, kontraktor pembinaan, kedai makan, agen pelancungan dan lain-lain lagi. Dua bidang yang amat kurang diceburi ialah pembuatan (4%) dan pertanian/penternakan (3%). Antara sebab yang dikenal pasti ialah modal yang besar diperlukan untuk memulakan perniagaan serta kesukaran mencari tanah di negeri Pulau Pinang untuk disewa atau dipajak. Kebanyakan graduan Program Tunas Mekar belum berani untuk membuat pinjaman perniagaan pada jumlah yang besar sebaik sahaja tamat program.

Jadual 3: Bidang perniagaan yang diceburi oleh graduan PTM negeri Pulau Pinang

| Siri / (tahun)* | Bidang perniagaan (%) |         |            |              |           |           |            |
|-----------------|-----------------------|---------|------------|--------------|-----------|-----------|------------|
|                 | Tekstil               | Makanan | Peruncitan | Perkhidmatan | Pertanian | Pembuatan | Percetakan |
| 3/(2011/2012)   | 21                    | 5       | 32         | 16           | 5         | 5         | 16         |
| 4/(2012/2013)   | 24                    | 24      | 12         | 24           | 3         | 0         | 6          |
| 5/(2014/2015)   | 16                    | 21      | 10         | 32           | 0         | 10        | 11         |

\* tiada data lengkap untuk siri 1 dan 2.



Rajah 4: Bidang perniagaan yang diceburi oleh graduan Program Tunas Mekar siri 3 hingga 5

Tunas Mekar adalah program latihan kepada graduan khusus memberi tumpuan kepada memberi latihan keusahawanan bagi melahirkan seberapa banyak mungkin usahawan siswazah bumiputera di kalangan pelajar universiti di Malaysia. Siri pertama Program Tunas Mekar dijalankan untuk tempoh yang lebih lama iaitu 2 tahun yang bermula pada tahun 2005 dan tamat pada tahun 2007. Seramai 17 orang graduan telah menyertai program ini di negeri Pulau Pinang dan 16 orang (94.1%) telah memulakan perniagaan samada sebelum ataupun sejeurus tamat program (Rujuk Jadual 1 dan Rajah 5). Pencapaian sebanyak 94.1% ini merupakan peratusan yang tertinggi melahirkan usahawan siswazah berbanding negeri-negeri lain (Junainah et al., 2015). Peratusan yang terdapat di Rajah 5 diukur dalam tempoh 1 bulan selepas tamat program.


Bermula pada tahun 2009 (siri ke 2), tempoh program telah dipendekkan kepada 6 hingga 12 bulan dan dibuka kepada semua graduan bumiputera IPTA dan IPTS. Pada siri ke 2 ini, berlakunya kejatuhan peratus graduan menjadi usahawan yang teruk iaitu hanya 33% yang memulakan perniagaan (Rujuk Rajah 5). Punca utama kejatuhan tersebut yang dikenal pasti ialah bilangan penyertaan yang ramai iaitu 54 orang (Rujuk Jadual 1) yang menyebabkan kesukaran mencari graduan yang betul-betul berminat menjadi usahawan. Kebanyakan daripada mereka hanya mengambil kesempatan untuk mengisi masa lapang sebelum mendapat pekerjaan dan juga hanya untuk menimba pengalaman perniagaan sahaja. Peratusan ini telah tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh pihak ICU-JPM iaitu 50% hendaklah menjadi usahawan siswazah (Junainah et al., 2015).

Pemilihan graduan yang lebih baik dan tepat pada siri ke 3 serta penambahbaikan pengisian program seperti kursus dan aktiviti berkaitan dengan keusahawanan, telah melonjakkan semula peratus graduan yang memulakan perniagaan iaitu 74% diikuti dengan 82% dan 84% pada siri 4 dan 5 (Rujuk Rajah 5). Peningkatan semula peratusan pada siri 3 telah memberi kepercayaan kepada pihak ICU-JPM bagi meneruskan program ini untuk siri 4 dan 5. Kejayaan pada siri 3, 4 dan 5 telah mencapai lebih daripada yang disasarkan iaitu pada purata lebih daripada 50%.


Berdasarkan Rajah 5, purata peratus pencapaian Program Tunas Mekar negeri Pulau Pinang bagi melahirkan usahawan siswazah bumiputera sejak tahun 2005 hingga tahun 2015 juga telah mencapai sasaran iaitu 73.4%. Kejayaan ini adalah hasil daripada komitmen dan kerjasama



yang baik daripada semua pihak iaitu UiTM, ICU-JPM, PPPN, graduan, kaunselor dan pengusaha. Lebih membanggakan lagi ialah 84% usahawan siswazah Tunas Mekar siri 3 hingga 5 menjalankan perniagaan di negeri Pulau Pinang seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 6. Pemilihan graduan yang menetap di negeri Pulau Pinang menyertai program ini menjadi faktor perniagaan mereka dijalankan di negeri ini dan jadi penyumbang kepada peningkatan bilangan usahawan bumiputera di negeri Pulau Pinang.



Rajah 5: Graduan Program Tunas Mekar yang sudah memulakan perniagaan



Rajah 6: Lokasi perniagaan graduan PTM (siri 3 hingga 5)

## 5.0 KESIMPULAN

Program Tunas Mekar adalah hasil daripada program keusahawanan yang dianjurkan secara bersama oleh ICU-JPM, PPPN dan UiTM di negeri Pulau Pinang telah menampakkan kejayaan yang membanggakan dalam menambah bilangan usahawan siswazah bumiputera di Malaysia. Ini terbukti melalui peratusan graduan yang memulakan perniagaan sendiri sehingga mencapai lebih daripada 70% sejak program ini dilaksanakan pada tahun 2005 hingga 2015 dan lebih daripada 80% usahawan siswazah Tunas Mekar siri 3 hingga 5 menjalankan perniagaan di negeri Pulau Pinang.

Bagi memastikan jaringan perniagaan, tolong menolong dan persahabatan sesama usahawan siswazah Tunas Mekar, Pertubuhan Alumni Tunas Mekar Negeri Pulau Pinang telah ditubuhkan secara sah pada tahun 2012. Pertubuhan ini akan memainkan peranan bagi memastikan mereka dapat kekal dalam industri perniagaan, berdaya saing dan mengembangkan perniagaan masing-masing di masa akan datang. Analisa ini menunjukkan kejayaan dan keberkesanan Program Tunas Mekar bagi melahirkan usahawan-usahawan muda yang baru dan dicadangkan supaya program ini dapat diteruskan di tahun-tahun akan datang.

## RUJUKAN

- Armanurah Mohamad, Nor Aishah Buang dan Muhammad Hussin, (2014). *Memformulasikan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Ke Arah Kerjaya Usahawan*. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9) “Urus Tadbir Ekonomi yang Adil : Ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi” Kuala Terengganu, Terengganu Malaysia, 433 – 441.
- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar dan Lee Kuan Yee, (2012). Faktor Kejayaan Usahawan Dalam Perniagaan. e-Bangi, *Journal of Social Sciences and Humanities, FSSK UKM.*, 7 (1),34-45.
- Berita Harian,(2010). *6 Teras Jana Usahawan di IPT*. 19/02/2010. Retrieved daripada [http://www.bharian.com.my/Current\\_News/BH/Friday/Nasional/20100219003114/Article/](http://www.bharian.com.my/Current_News/BH/Friday/Nasional/20100219003114/Article/).
- Harian Metro, (2016). *Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020*. Retrieved daripada <http://www.hmetro.com.my/node/130722>.
- Bukryman Sabri, Nurizan Yahaya, Samir Muhazzab, Naimah Mohd Salleh, Mansor Abu Talib, Adlina Abd Halim, Roselee Shah Shahrudin, Afida Mastura, Mohd Salleh Bacho, Mohamed Azrul Syam dan Hemalatha Mahenthiran, (2008). *Laporan Kajian Aspirasi Keusahawanan Belia Terhadap Memupuk Budaya Keusahawanan Ke Arah Menuju Pencapaian Wawasan 2020*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Buerah Tunggak & Zoolhilmi Ahmed, (2015). Pengaruh Faktor Latarbelakang Terhadap Orenstasi Sikap Keusahawanan Dalam Kalangan Usahawan Belia Bumiputera Muslim. *Akademika* 85(2), 29-43.
- Frederick, H. H, O’Connor, A.J. & Kuratko, D. F. (2013). *Entrepreneurship: Theory, Process and Practice*. Ed. ke-3, Asia-Pacific. Australia: Cengage Learning
- Hardy Loh Rahim dan Razmi Chik, (2014). Graduate Entrepreneurs Creation: A Case of Universiti Teknologi MARA, Malaysia. *Aust. J. Basic & Appl. Sci.*, 8(23),15-20.
- Hardy Loh Rahim dan Shahimi Mohtar, (2015). Social Entrepreneurship: A Different Perspective. *International Academic Research Journal of Business and Technology* 1(1),9-15.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBN), (2016). *Laporan Kajian Transformasi Usahawan Belia Bumiputera Daripada Tahap Mikro Ke Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS)*.

- Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi, (2013). *Majlis Pelancaran Pelan Strategik Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi Negara 2013*. Retrieved daripada <http://www.jpkk.edu.my/jpkk/index.php/bahan-media/berita-jpkk/246-majlis-pelancaran-pelan-strategik-keusahawanan-institusi-pengajian-tinggi-negara-2013.html>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, (2009). *Siaran khas Penyiasatan Tenaga Buruh (Usahawan di Malaysia)*, Siri 4 Bil. 1/2009.
- Junainah Junid, Hardi Emrie Rosly, Jamalunlaili Abdullah, dan Nor Zaimah Ma'amin, (2015). Graduate Entrepreneur Creation: Tunas Mekar Program. *International Academic Research Journal of Social Science 1*(1): 25-32.
- Malaysian Academic of SME & Entrepreneurship Development (MASMED), (2012). *Laporan Pelaksanaan Tunas Mekar 2012/2013*. UiTM Shah Alam Malaysia.
- Malaysian Academic of SME & Entrepreneurship Development (MASMED), (2014). *Laporan Dan Direktori Tunas Mekar 2011/2012*. Koperasi Siswa UiTM Pahang Berhad.
- Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun, (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia 35*(1), 11-17.
- Sodri Ariffin & Ahmad Sabaruddin, (2006). *Panduan Asas Keusahawanan Dan Pengurusan Perniagaan*. UPENA Universiti Teknologi MARA Shah Alam Malaysia.
- Solahuddin Abdul Hamid, (2014). *Melestarikan Pembangunan Budaya Usahawan Secara Holistik Bagi Melahirkan Graduan Berkompetensi*. Persidangan Kebangsaan Pembangunan Holistik Pelajar, Bandung Indonesia. Anjuran Pusat Kokurikulum, Universiti Utara Malaysia.
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias, (1997). *Keusahawanan dan Motivasi Diri*. Penerbit Universiti Putra Serdang Malaysia